

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU**

**KAWASAN : TUARAN**

**SOALAN :**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status perincian terkini keseluruhan pakej Pan Borneo Highway di Sabah.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sehingga Februari 2019 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah 12.37%.

Sekian, terima kasih.